

Lonjak alat jimat petrol

Mega Juara Energy sasar jual 5,000 unit dalam 3 bulan

>>Oleh Kamarulzaman Pid
amar@metro.com.my

MEGA Juara Energy, menasarkkan sebanyak 5,000 unit alat penjimat minyak, e-Gas: Model PF1, mampu dijual dalam tempoh tiga bulan akan datang.

Alat penjimat minyak yang menggunakan sistem teknologi air sebagai bahan bakar alternatif itu mampu menjimatkan penggunaan bahan bakar antara 50 hingga 80 peratus dan dijual pada harga RM1,600 seunit termasuk kos pemasangan.

Pengurus Besar Mega Juara Energy, Mohd. Fakhruddin Badaruddin, berkata sistem itu yang dibangunkan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP), menggunakan air suling atau air bateri bersama tiga lagi

bahan pemangkin untuk memecahkan molekul air kepada gas hidrogen.

"Alat ini berfungsi melalui proses plasma elektrolisis dan ia disambungkan pada 'air intake' enjin bagi menyalurkan gas hidrogen yang akan membantu melengkapkan proses pembakaran bersama minyak petrol.

"Pemasangan alat juga amat mudah dan tidak memerlukan ruang yang besar kerana ia hanya menggunakan dua balang kecil yang dipasangkan di ruang enjin kereta tanpa sebarang pengubahsuaian ke atas enjin," katanya kepada Bisnes Metro di sini, semalam.

Fakhruddin berkata, menerusi penggunaan e-Gas: Model PF1, pemilik kereta hanya memerlukan kos sebanyak 0.054 sen bagi setiap kilometer penggunaan

petrol, berbanding 11 sen tanpa penggunaan produk berkenaan.

"Selain menjimatkan minyak, pengguna akan menikmati pemanduan yang lebih lancar dan daya memecut juga bertambah serta meningkatkan jangka hayat enjin.

"Alat ini juga sesuai bagi kereta yang menggunakan enjin suntikan atau kaburator, manakala kajian lanjutan sedang dijalankan bagi kegunaan kenderaan diesel. Selain itu, kami juga memberi jaminan selama setahun ke atas penggunaan produk ini.

"Bagi memudahkan pelanggan mendapatkan produk berkenaan, Fakhruddin berkata, syarikat itu melantik beberapa ejen pemasangan dan penyelenggaraan produk di sekitar Lembah Klang," katanya.

Mereka yang berminat men-



TERBARU...alat penjimat minyak e-Gas Model PF1

dapatkan produk berkenaan atau menjadi ejen boleh menghubungi talian 03-87370100 atau 013-6931847 atau 016-2327759.

Sementara itu, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, Abdul Syukor Abd Razak, berkata ketika ini, UMP berusaha meningkatkan sistem teknologi produk berkenaan untuk digunakan pada semua jenis kenderaan.

"Kajian ini dijangka mengambil masa dua hingga tiga tahun lagi bagi menjadikannya bersifat serba guna sekali gus dapat mengurangkan beban rakyat," katanya.

"Produk seperti ini bukan saja mampu memanjangkan jangka hayat kenderaan, ia juga mengurangkan pelepasan bahan toksik bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar," katanya.